

Newspaper
Date

Berita Harian
28 January 2016

Pertandingan foto esei cungkil bakat belia

BH- 28/1/2016



Dr Mahathir **bergambar dengan pemenang tempat pertama** ketika majlis penyampaian hadiah Pertandingan Menulis dan Foto Esei di Putrajaya, semalam.

[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Putrajaya: Pertandingan Menulis dan Foto Esei anjuran Yayasan Maybank-Yayasan Kepimpinan Perdana (YKP), berjaya mencungkil banyak bakat baharu yang cenderung untuk berdaya saing secara positif.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pertandingan yang mencabar peserta meluahkan pandangan mengenai kepemimpinan, kesukarelawan dan keberanian menerusi esei, fiksiyen atau foto esei, men-

dapat sambutan memberangsangkan, menunjukkan belia kini gemar bersaing dengan cara positif.

Petanda bagus

“Melalui pertandingan seperti ini,

masyarakat dapat melihat kreativiti yang ditonjolkan belia, sama ada melalui gambar mahupun esei. Ini petanda bagus kerana dapat mengajar belia lebih kreatif dan tidak terdorong atau terpengaruh menciplak hasil karya

orang lain semata-mata kerana mahu menang pertandingan.

“Sekiranya lebih ramai pemenang yang dipilih, sudah pasti negara kita akan lebih berjaya pada masa akan datang,” katanya ketika berucap pada majlis penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan berkenaan, di sini semalam.

Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori, masing-masing berusia 13 hingga 17 tahun (kategori A) dan 18 hingga 21 tahun (kategori B).

Pemenang utama kategori foto esei kategori B, Aiman Husaini Abdul Karim, 19, yang membawa pulang hadiah wang tunai RM8,496 bersama baucar buku dan kamera, berkata beliau bersyukur atas kejayaan itu walaupun terkejut kerana ia kali pertama menyertai pertandingan.

“Saya memang minat mengambil gambar dan dengan sedikit asas fotografi, memberanikan diri menyertai pertandingan ini bagi mengasah kemahiran. Saya hanya hantar gambar pertandingan persahabatan ragbi di sekolah yang menonjolkan elemen kerjasama, strategi serta semangat berpasukan,” katanya.